

# Hak Kit Siang untuk dakwa di mahkamah — PM (P)

LANGKAWI 22 Ogos — Dato' Sri. Dr. Mahathir Mohamad berkata adalah menjadi hak Setiausaha Agung DAP, Lim Kit Siang untuk mendakwa di mahkamah kerana membuat kenyataan DAP anti-Islam sekiranya beliau (Lim) mempunyai asas untuk mengambil tindakan itu.

"Kalau dia (Lim) ada asas, dia hendak buat dakwaan mahkamah, itu hak dia," kata Perdana Menteri hari ini ketika diminta mengulas tindakan Lim membuat laporan polis mengenai kenyataan tersebut.

"Dia yang mula, bukan saya yang mula," katanya kepada para pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi di Padang Mat Sirat sebelum berlepas pulang ke ibu negara hari ini.

Dr. Mahathir baru-baru ini mendakwa DAP sebagai sebuah parti yang tidak suka kepada agama Islam kerana parti itu tidak pernah membantah sekiranya orang Cina memeluk agama lam tetapi sebaliknya suka mendesak orang Cina yang menganut agama Islam meninggalkan agama itu.

Katanya Lim juga tidak pernah menyuarakan pendiriannya berhubungan keganasan puak Serbia ke atas orang Islam Bosnia seolah-olah penindasan yang berlaku terhadap orang Islam tidak mengapa tetapi sekiranya berlaku ke atas bangsa lain ia baru menjadi isu.

Menurut Perdana Menteri, beliau sebenarnya membangkitkan isu berkenaan kerana 'dia (Lim) selalu membangkitkan isu yang sensitif.'

Ditanya sama ada wajar atau tidak desakan itu, Perdana Menteri berkata, "Setengah orang berpendapat tidak wajar tetapi mereka yang membuat desakan itu berfikir, apa salahnya mereka membuat desakan seumpama itu."